



JAWATAN KOSONG

ARTIS BUDAYA

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH

Sukacita dimaklumkan, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah akan membuat sesi temuduga untuk kekosongan Artis Budaya, Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.

BIL	JAWATAN	TARAF	KEKOSONGAN	PENEMPATAN
1.	Artis Budaya	Pekerja Sambilan Harian (PSH)	3 lelaki 3 Perempuan	Bahagian Acara
JUMLAH KESELURUHAN			6 KEKOSONGAN	

Sesiapa yang berminat menghadiri sesi temuduga dan ingin mendapatkan maklumat terperinci, mohon rujuk syarat-syarat kelayakan di “**LAMPIRAN 1**” berserta borang permohonan jawatan secara *online* di laman web <https://culture.sabah.gov.my/form/permohonan-jawatan-kosong> yang telah disediakan.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi di alamat yang berikut:

Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

Wisma Perindustrian Tingkat 4

Jalan Istiadat Likas 88400

Kota Kinabalu

No Tel : 088-268879 (Bahagian Sumber Manusia)

Tarikh Tutup Permohonan : 7 April 2026 (selasa)

Sekian dan terima kasih.



**IKLAN JAWATAN KOSONG
ARTIS BUDAYA
PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan **Artis Budaya, Pekerja Sambilan Harian (PSH)** di Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS). Butiran terperinci mengenai jawatan ini ialah:-

Nama Jawatan : **Artis Budaya, Pekerja Sambilan Harian**

Kumpulan Perkhidmatan : **Pelaksana**

Bilangan kekosongan : **Enam (6) Jawatan**

I) Lelaki - 3 Kekosongan

II) Perempuan - 3 Kekosongan

Tempat Kekosongan : **BAHAGIAN ACARA**

Taraf/ Status Jawatan : **Pekerja Sambilan Harian (PSH)**

Kadar Upah : **RM 80.00 / Sehari**

Syarat Lantikan :-

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat,kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - i. Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah.
 - ii. Berumur tidak kurang dari 18-25 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
 - iii. **Ketinggian Lelaki 170cm, Berat 57kg-66kg, Perempuan 158cm, Berat 45kg - 55kg.**
 - iv. Berperwatakan menarik.
 - v. Mempunyai bakat,kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur,membaca dan menulis Bahasa Melayu dengan memuaskan.
 - vi. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- vii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- viii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- ix. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : -

Calon yang memiliki kelayakan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. Cara Memohon

Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan borang permohonan lengkap, *Resume* dan disertakan dengan satu salinan Sijil Akademik, Kad Pengenalan, dan sekeping gambar berukuran pasport.

3. Tarikh Tutup Permohonan

Semua permohonan hendaklah diterima oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah selewat-lewatnya **7 April 2026 (selasa)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan. Permohonan yang lengkap hendaklah diisi secara online di laman web

<https://culture.sabah.gov.my/form/permohonan-jawatan-kosong>

4. Hanya permohonan yang layak dan melepasi tapisan akan dipanggil temuduga bagi jawatan ini.
5. **Sesi temuduga akan dijalankan di dua lokasi berbeza iaitu di Kota Kinabalu dan daerah Tawau mengikut tarikh yang akan ditetapkan pihak LKNS.**
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh tiga (3) bulan dari **tarikh tutup** permohonan adalah dianggap tidak berjaya.
7. Pihak LKNS tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temuduga tersebut.
8. Hanya calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.